

Potong
bahagian ini

PENGENALAN RANCANGAN TEMPATAN

Rancangan Tempatan (RT) Daerah Muar ini disediakan untuk Majlis Perbandaran Muar (MPM) sebagai dokumen rujukan dalam memastikan pembangunan Daerah Muar pada masa hadapan adalah selaras dengan aspirasi Negeri Johor

KEBITARAAN DAERAH MUAR

Aspiring hub for talent and knowledge

4P

- Pembuatan (Perabot)
- Pelancongan warisan
- Pendidikan
- Pertanian



WAWASAN DAERAH MUAR

Wawasan pembangunan telah diselaraskan dengan aspirasi Rancangan Struktur Negeri (RSN) Johor 2030 yang mana Daerah Muar berperanan sebagai *Aspiring Hub for Talent and Knowledge*. Sasaran utamanya adalah menjadikan Daerah Muar sebagai daerah yang berdaya saing dengan memfokuskan sektor ekonomi dan ciri kebitaraannya iaitu sektor pembuatan, pelancongan warisan, pendidikan dan pertanian.

WARISAN

Pemeliharaan dan pemuliharaan ciri warisan sebagai Bandar Diraja terbersih, bernilai sejarah dan semula jadi.

PINTAR

Daerah pertama dan terkehadapan di Wilayah Utara Negeri Johor yang menyediakan persekitaran fizikal yang berteknologi tinggi serta berupaya menjana ekonomi melalui peningkatan produktiviti.

MAMPAN

Persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera seterusnya melahirkan masyarakat yang responsif terhadap kepentingan alam semula jadi.

MATLAMAT PEMBANGUNAN

'Daerah Peneraju Pembangunan Ekonomi Wilayah Utara Negeri Johor Berteraskan Elemen Warisan, Teknologi Pintar dan Masyarakat Mampan Rendah Karbon'

1 Hierarki Petempatan Bandar Maharani Bandar Diraja sebagai Pusat Wilayah Negeri yang termasuk di bawah Zon Promosi Pembangunan Negara


2 Penggerak ekonomi Wilayah Utara Negeri Johor dengan memfokuskan industri perikanan, nursei, pelancongan dan zon kerang-kerangan

3 Aksesibiliti yang baik antara jalan darat dan laut.




RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) telah mengarusperdanakan Pelan Tindakan dan Langkah Masyarakat Rendah Karbon secara menyeluruh dan bersepadu, mengguna pakai metodologi dan model yang selaras dengan amalan antarabangsa dan diiktiraf oleh *Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC)*, *United Nations Framework on Climate Change (UNFCCC)* dan *Global Covenant of Mayors for Climate and Energy (GCoM)*. Ini termasuklah penetapan dasaran strategi RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) dari peringkat permulaan lagi dengan menggabungkan pelan tindakan iklim dan langkah-langkah masyarakat rendah karbon yang merangkumi/melangkaui semua teras dan sektor.

DAERAH MUAR, DAERAH WARISAN RENDAH KARBON



KONSEP PEMBANGUNAN



- Corak pertumbuhan yang berselerak berdasarkan hierarki pusat pertumbuhan;
- Zon fokus pembangunan yang berselerak dan penyahpusatan terhadap kawasan petempatan luar bandar akan menghasilkan linkages antara kawasan bandar dan luar bandar;
- Perbandaran kawasan luar bandar merangkumi penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan awam serta jaringan perhubungan;
- Setiap pusat pertumbuhan mempunyai aktiviti ekonomi yang tersendiri dan bersifat *self-contained*; dan
- Aktiviti ekonomi utama dalam zon fokus pembangunan ialah Perkhidmatan, Pembuatan, Pendidikan, Pelancongan dan Pertanian.



APAKAH PERANAN ANDA?
Anda boleh memeriksa Laporan Draft RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) sepanjang program publisiti diadakan.

ANDA MEMPUYAI BANTAHAN / CADANGAN / MAKLUMBALAS?
Sekiranya anda mempunyai bantahan / cadangan / maklumbalas terhadap laporan tersebut, anda dialu-alukan untuk mengemukakan borang penyertaan yang disediakan dan mengembalikan kepada alamat yang dinyatakan di dalam borang tersebut bermula pada :

TARIKH SEMAKAN

15 NOVEMBER - 15 DISEMBER 2020

MASA SEMAKAN

AHAD - RABU
9:00 PAGI - 5:00 PETANG
KHAMIS
9:00 PAGI - 3:30 PETANG

(hari berkerja sahaja)

TEMPAT SEMAKAN

MAJLIS PERBANDARAN MUAR (MPM)
PEJABAT DAERAH MUAR
PEJABAT TANAH MUAR
PLANMalaysia@Johor
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor)

TERAS UTAMA PEMBANGUNAN



HALA TUJU DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

Pencapaian wawasan dan matlamat RT Daerah Muar 2030 (Penggantian) diperkuh melalui pembentukan hala tuju dan strategi pembangunan yang turut mengambil kira aspek seperti:

1. Penyelarasan terhadap polisi pembangunan
2. Keadaan semasa serta tren pembangunan
3. Isu strategik utama dan potensi pembangunan
4. Strategi pembangunan dan cadangan awal

Hasil penemuan ini kemudiannya telah dirumuskan mengikut lima (5) teras yang telah ditetapkan seterusnya membawa kepada asas pembentukan strategi pembangunan RT Daerah Muar 2030 (Penggantian). Pembentukan strategi pembangunan Daerah Muar bagi tahun 2030 dicadangkan berdasarkan enam (6) tunjang pembangunan utama selaras dengan aspirasi RSN Johor 2030. 6 tunjang ini kemudiannya diselaraskan dengan 16 isu strategik utama bagi pembentukan strategi pembangunan utama dan seterusnya 202 cadangan sektoral. Daripada 202 cadangan sektoral tersebut, sebanyak 15 cadangan telah dikenal pasti untuk dikategorikan sebagai *game changer* - satu pemangkin yang berperanan untuk memperkuh landskap ekonomi Daerah Muar. Cadangan bagi *game changer* ini turut disokong oleh 54 cadangan sokongan serta 15 projek *quick win*.

GUNA TANAH SEMASA MUAR 2018

KELUASAN SEMASA DAERAH MUAR
139,258.00 hektar

Perumahan | 2.94%
4,092.24 hektar

Komersial | 0.29%
402.81 hektar

Industri | 0.75%
1,040.33 hektar


Institusi dan Kemudahan
1,398.24 hektar

Tanah Lapang dan Rekreasi | 0.26%
357.89 hektar

Pengangkutan dan Perhubungan | 3.18%
4,434.12 hektar

Infrastuktur dan Utiliti | 0.33%
465.31 hektar

Hutan | 21.20%
29,516.85 hektar



Badan Air | 1.42%
1,972.92 hektar

Pantai | 0.001%
0.78 hektar

Pertanian | 67.89%
94,538.70 hektar

Tanah Kosong (Tanah pembangunan) | 0.56%
773.57 hektar

Tanah Kosong (Tanah yang tidak diusahakan) | 0.19%
264.24 hektar

CADANGAN ZON GUNA TANAH 2030

PERUMAHAN | 6.08%
8,542.19 hektar

KOMERSIAL | 0.88%
1,359.50 hektar

INDUSTRI | 2.53%
3,214 hektar

INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT | 1.21%
1,679 hektar

TANAH LAPANG DAN REKREASI | 0.36%
443.98 hektar

PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN | 3.20%
4,494.51 hektar

INFRASTRUKTUR DAN UTILITI | 0.54%
746.30 hektar


HUTAN | 21.96%
30,586.86 hektar

BADAN AIR | 1.46%

PANTAI | 0.001%
0.78 hektar

PERTANIAN | 61.79%
86,253.69 hektar

Tanah Kosong | 0.00%
0.00 hektar



Komponen Guna Tanah	2018		2030		Perbezaan	
	Keluasan (hektar)	%	Keluasan (hektar)	%	Keluasan (hektar)	%
Perumahan	4,092.24	2.94	8,542.19	6.08	4,449.95	52.09
Komersial	402.81	0.29	1,359.50	0.88	956.69	70.37
Industri	1040.33	0.75	3,214.51	2.53	2,174.18	67.64
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1398.24	1.00	1,679.90	1.21	281.66	16.77
Tanah Lapang dan Rekreasi	357.89	0.26	443.98	0.36	86.09	19.39
Pengangkutan dan perhubungan	4,434.12	3.18	4,394.51	3.20	-39.61	-0.90
Infrastuktur dan Utiliti	465.31	0.33	746.30	0.54	280.99	37.65
Hutan	29,516.85	21.20	30,586.86	21.96	1,070.01	3.50
Badan Air	1,972.92	1.42	2,035.78	1.46	62.86	3.09
Pantai	0.78	0.00	0.78	0.00	0.00	0.00
Pertanian	94,538.70	67.89	86,253.69	61.79	-8,285.01	-9.61
Tanah Kosong	1037.81	0.75	0.00	0.00	-1,037.81	-100.00
Jumlah Keseluruhan	139,258.00	100.00	139,258.00	100.00		

202 PROJEK / PROGRAM YANG DICADANGKAN

15 PROJEK GAME CHANGER

1. Pentadbiran Baharu
2. Muar Furniture Park (MFP) 2.0
3. Free Industrial Zone (FIZ)
4. Bandar Universiti Pagoh
5. Koridor Pembangunan
6. Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)
7. Ekopelancongan
8. Taman Nurseri dan Herba Muar
9. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Zon Pengeluaran Makanan (ZPM)
10. Zon Industri Akuakultur (ZIA)
11. Sungai Muar
12. Zon Pusat Warisan
13. Jaringan Pengangkutan dan Perhubungan
14. Bandar Raya Muar
15. Rendah Karbon

15 PROJEK QUICK WIN

1. Restoran terapung Parit Jawa
2. Kiosk basikal dan *food truck* di Tanjung Emas
3. Inkubator usahawan di Kompleks Penghulu Mukim Bukit Kepong
4. *Foodtrail* di kawasan Bandar Maharani Bandar Diraja
5. Laluan beca di Bandar Mahrani Bandar Diraja
6. Bas ulang-alik (*shuttle bus*) rendah karbon secara percuma di Bandar Maharani Bandar Diraja
7. *Urban Farming* di Taman Tun Dr. Ismail 2
8. Koservasi Bangunan Telekom
9. Kemudahan Pelancongan di Bandar maharani Bandar Diraja
10. Laluan jejak warisan di Bandar Maharani Bandar Diraja
11. Pemeliharaan bangunan warisan di Bandar Maharani Bandar Diraja
12. *Smart Bin* di Bandar Maharani Bandar Diraja, Bakri dan Bukit Pasir
13. Pengumpulan minyak masak terpakai dan pengkomposan sisa di Pasar Awam Parit Jawa
14. *Autism Friendly Backlane* di Jalan Sisi
15. Laluan Basikal di Tanjung Emas



Potong bahagian ini